

Cabaran dan Strategi dalam Memperkasakan Pengajian al-Quran Braille dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 267-277
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 20 October 2024
Accepted: 20 November 2024
Published: 9 December 2024

[Challenges and Strategies in Empowering Braille al-Quran Education among Visually Impaired Individuals]

Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi,¹ Abu Dzar Ahmad,¹ Muhamad Razif Ahmad¹
& Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad^{1*}

1 Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS), Km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA
E-mail: haafiz@unipsas.edu.my; abudzar@unipsas.edu.my; mrazif@unipsas.edu.my; ahaqal@unipsas.edu.my

*Corresponding Author: haafiz@unipsas.edu.my

Abstrak

Pengajian al-Quran Braille merupakan pembelajaran khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia. Penggunaan al-Quran Braille amat penting bagi memudahkan akses individu cacat penglihatan mendalami kandungan al-Quran. Namun, pelaksanaan pengajian al-Quran Braille mempunyai kekangan dan cabaran dalam mengadakan sesi pembelajaran yang menumpukan golongan OKU penglihatan secara sistematik. Kekurangan tenaga pelatih yang mahir dan alatan Braille dalam pengajaran al-Quran Braille amat terhad dan tinggi harganya membuktikan halangan dalam pembelajaran al-Quran Braille mengekang lagi pelaksanaannya. Justeru, strategi memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) perlu digiatkan. Artikel ini menggunakan kajian kualitatif melalui analisis dokumen beberapa sumber primer dan sekunder. Artikel ini juga menggunakan kaedah deduktif dan tematik untuk menganalisis data yang diperolehi. Hasil kajian mendapati strategi memperkasakan pengajian al-Quran Braille merupakan solusi dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam kalangan OKU penglihatan. Strategi memperkasakan pengajian al-Quran Braille perlu ditingkatkan agar kesedaran awam dan infrastruktur pembelajaran yang inklusif bagi menumpukan kepada golongan OKU penglihatan dapat dilaksanakan dengan baik dan komprehensif. Usaha kolaboratif daripada pelbagai termasuk pihak yang berautoriti perlu digagas supaya pendidikan al-Quran terhadap individu yang cacat penglihatan dapat dilaksanakan dengan sistematik yang berkesan.

Kata kunci: Cabaran, strategi, memperkasakan pengajian al-Quran Braille, Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan

Abstract

The study of the Braille al-Quran is a specialized educational program for individuals with disabilities (OKU) in Malaysia. The use of the Braille al-Quran is crucial for facilitating access for visually impaired individuals to deepen their understanding of the al-Quran's content. However, the implementation of Braille al-Quran education faces constraints and challenges in conducting systematic learning sessions focused on the visually impaired. The shortage of skilled trainers and the limited and costly Braille equipment for teaching the Braille al-Quran further hinder its implementation. Therefore, strategies to empower Braille al-Quran education among the visually impaired need to be intensified. This article employs a qualitative study through document analysis of several primary and secondary sources. It

also utilizes deductive and thematic methods to analyze the data obtained. The study finds that empowering strategies for Braille al-Quran education are a solution to enhance its implementation among the visually impaired. These strategies need to be enhanced to ensure public awareness and inclusive learning infrastructure are effectively and comprehensively implemented for the visually impaired. Collaborative efforts from various parties, including authorities, need to be initiated to ensure that Quranic education for visually impaired individuals is systematically and effectively carried out.

Keywords: Challenges, strategies, empowering Braille al-Quran education, visually impaired individuals.

Cite This Article:

Mohammad Haafiz Aminuddin Mohd Azmi, Abu Dzar Ahmad, Muhamad Razif Ahmad & Ahmad Haiqal Fitri Ahmad Fuad. (2024). Cabaran dan Strategi dalam Memperkasakan Pengajian al-Quran Braille dalam Kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) Penglihatan [Challenges and Strategies in Empowering Braille al-Quran Education among Visually Impaired Individuals]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 267-277.

Pengenalan

Pengajian al-Quran Braille adalah satu inisiatif penting dalam memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan di Malaysia dapat mengakses dan memahami kandungan al-Quran. Al-Quran Braille, yang ditransliterasikan ke dalam sistem tulisan Braille, membolehkan individu cacat penglihatan membaca dan mendalami al-Quran secara berdikari Ibrahim, N. (2017). Walaupun terdapat kemajuan dalam penyediaan bahan Braille, pelaksanaan pengajian ini masih menghadapi pelbagai cabaran. Antara isu utama adalah kekurangan tenaga pengajar yang terlatih dalam Braille (Mohd Raus et al., 2013) dan kos peralatan Braille yang tinggi, yang menghalang akses yang lebih meluas.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan mencadangkan strategi yang berkesan dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam kalangan OKU penglihatan. Kepentingan kajian ini terletak pada potensinya untuk meningkatkan kesedaran awam dan membangunkan infrastruktur pembelajaran yang lebih inklusif, seterusnya menyokong usaha pendidikan al-Quran yang lebih menyeluruh bagi golongan ini (Azman, H. H., et. al. 2022). Berdasarkan konteks literatur sedia ada, kajian ini menyumbang dengan menawarkan penyelesaian praktikal dan strategi yang boleh diambil oleh Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT), pihak berkuasa dan komuniti (Mohammed, Z., et. al. 2021).

Kajian literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa usaha terdahulu yang meneliti aspek teknikal dan pedagogi dalam pengajaran al-Quran Braille. Sebagai contoh, Awang, A. et. al. (2024) menekankan kepentingan latihan intensif untuk guru-guru Braille, manakala Rosli et. al. (2021) meneliti keberkesanan penggunaan teknologi dalam pengajaran al-Quran Braille. Kajian oleh Ibrahim, N. (2017) menekankan pentingnya program latihan berterusan untuk guru-guru Braille bagi memastikan mereka sentiasa dikemas kini dengan teknik pengajaran terkini dan inovasi dalam pendidikan khas dengan mencadangkan modul latihan yang disesuaikan dengan keperluan tempatan sebagai satu langkah penting dalam memperkasakan pengajaran al-Quran Braille. Menurut kajian oleh Yahaya, A. M. (2021), integrasi teknologi seperti aplikasi

mudah alih dan perisian pembelajaran interaktif telah menunjukkan peningkatan dalam motivasi dan pencapaian pelajar OKU penglihatan. Kajian ini menyoroti potensi teknologi sebagai alat sokongan dalam pengajaran al-Quran Braille. Kajian oleh Suhaimi, F. M. (2022) membincangkan kepentingan kerjasama antara agensi kerajaan, NGO, dan komuniti dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan yang lebih komprehensif untuk OKU. Pendekatan kolaboratif ini dapat mengurangkan jurang sumber dan meningkatkan kualiti pendidikan yang disediakan. Namun, Kajian ini tidak hanya mengenal pasti cabaran, tetapi juga mencadangkan strategi pelaksanaan yang praktikal dan boleh dilaksanakan. Ini termasuk cadangan untuk program latihan guru yang lebih berstruktur, penggunaan teknologi yang lebih meluas, dan peningkatan akses kepada sumber dan infrastruktur (Ab Rahman, A., et. al. 2020).

Pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen bagi kajian ini mengaplikasikan kaedah deduktif dan tematik membolehkan penilaian dan dapatan yang lebih mendalam mengenai cabaran semasa dan strategi yang boleh dilaksanakan untuk memperbaiki dar semasa ke semasa (Baharudin, N. S., et. al. 2023). Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai cara memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam kalangan OKU penglihatan serta menyediakan asas untuk kajian lanjut dalam bidang ini.

Definisi al-Quran Braille

Kod Braille dalam bahasa Arab yang digunakan dalam mushaf al-Quran Braille merangkumi beberapa elemen penting seperti huruf-huruf *muqata'ah*, tanda-tanda baris (*fathah*, *dammah*, *kasrah*) dan simbol-simbol khas termasuk *shaddah*, *sukun* dan *mad* (Ismail, N. F., & Abd Ghani, A. R., 2024). Menurut Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R. (2021), sistem penulisan dan pembacaan al-Quran Braille menggunakan pendekatan dari kiri ke kanan di mana setiap huruf dan tanda baris disusun secara berturutan di mana huruf diletakkan terlebih dahulu diikuti dengan tanda baris kecuali tanda *shaddah*. (Rasdi, et. al, 2023). Walau bagaimanapun, wujud variasi minor dalam aspek *rasm* dan *dabt* antara al-Quran konvensional dan versi Braille. Al-Quran Braille mengaplikasikan sistem kod khusus untuk menterjemah kalimah dan ayat dari teks asal. Sebagai contoh kalimah solat di dalam al-Quran yang sebenar dieja dengan huruf waw (و) dan alif kecil (ا) manakala al-Quran Braille menggunakan huruf alif (ا) dan alif kecil (ا) berasaskan kalimah yang asal iaitu الصلوة (Rasdi, et. al, 2023).

Sebelum kemunculan sistem Braille, golongan OKU Penglihatan bergantung sepenuhnya kepada pendengaran untuk memproses maklumat. Kini, mereka boleh mengakses al-Quran melalui sentuhan dengan menggunakan al-Quran Braille (Ab Rahman, et. al, 2020). Golongan ini perlu diberi bimbingan secara praktikal melalui penggunaan al-Quran Braille untuk membaca al-Quran dengan menggunakan tulisan berasaskan sentuhan dalam pengajian yang bersistematik. Selain pengajian secara tradisi dalam pembelajaran al-Quran melalui kaedah *talaqqi*, peluang untuk mempelajari, menghafal dan menguasai ilmu al-Quran akan lebih terbuka kepada golongan cacat penglihatan ini sekiranya mereka dilengkapi dengan penguasaan al-Quran Braille (Abdullah, A. H. B., 2021). Golongan OKU penglihatan menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam penguasaan bacaan al-Quran melalui penggunaan deria sentuh, di mana mereka dapat mengenal pasti huruf-huruf dan tanda baca al-Quran melalui kod titik-titik Braille (Halim, et. al, 2023).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan. Analisis data dilakukan melalui pendekatan deduktif dan tematik untuk meneroka cabaran dan strategi dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille dalam kalangan orang kurang upaya (OKU) penglihatan. Pengumpulan data melibatkan pemilihan sumber primer dan sekunder yang berkaitan, termasuk dokumen rasmi, laporan dan artikel akademik. Proses analisis data merangkumi pembangunan tema, analisis mendalam dan penyediaan penulisan yang komprehensif.

Cabaran Menghadapi Pengajian al-Quran Braille

Pengajian al-Quran Braille merupakan salah satu alternatif bagi golongan OKU penglihatan untuk berinteraksi dengan mushaf al-Quran. Pembelajaran al-Quran penting bagi membantu mereka yang mempunyai masalah penglihatan. Cabaran dan pelaksanaan dalam pembelajaran al-Quran Braille perlu diperhalusi dengan lebih teliti dan ditambahbaik. Antara cabaran dalam pengajian al-Quran Braille bagi golongan OKU penglihatan ialah:

Kesulitan Mengadakan Kelas Pengajian al-Quran Braille

Golongan cacat penglihatan sering kali terdicir dalam bidang pendidikan. Mereka juga seharusnya perlu diberi peluang yang luas untuk mendalami pembacaan ayat-ayat suci al-Quran melalui kaedah pembelajaran al-Quran Braille serta membudayakannya dalam kehidupan harian (Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R., 2021). Namun begitu, mengajar golongan istimewa ini tidak sama dengan mengajar dan mendidik golongan tipikal. Proses pengajian al-Quran akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan masalah. Beberapa isu dan masalah juga timbul dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) al-Quran Braille di Kompleks *Malaysian Association for the Blind* (MAB).

Cabaran sistem pengajian di sana mengaitkan dua cabaran iaitu cabaran dalam pengajaran al-Quran Braille terdiri daripada tenaga pengajar. Kedua, cabaran dalam pembelajaran al-Quran Braille yang melibatkan pelajar OKU penglihatan. Antara cabaran guru-guru dalam mengajar al-Quran Braille. Menurut Azman et. al. (2022) menyatakan bahawa terdapat tujuh buah negeri yang terlibat secara serius dalam merencanakan program pengajian al-Quran Braille yang terlibat ialah seperti Terengganu, Kelantan, Pahang, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis. Bagi golongan OKU cacat penglihatan di sekitar Kuala Lumpur, mereka dapat mempelajari al-Quran Braille dengan menghadiri kelas al-Quran Braille di bawah kelolaan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS).

Melalui pengajian kelas al-Quran Braille, seorang individu yang cacat penglihatan dapat menelusuri dan *mentadabbur* Kalam Ilahi di samping golongan mereka mengetahui isi kandungan al-Quran dengan lebih mendalam (Shabery, et. al, 2022). Tambahan lagi, bagi pelajar cacat penglihatan di peringkat universiti, mereka mengikuti pengajian dalam kursus al-Quran Braille di peringkat Universiti Awam (UA) seperti Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM) (Razuan, et. al, 2019) dan peringkat Universiti Swasta (US) ialah Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS).

Silibus pengajian al-Quran Braille perlu diikuti oleh golongan istimewa ini malah wajar dibuka ruang sebagaimana rakan-rakan mereka yang tipikal supaya mereka dapat menguasai pengajian al-Quran tanpa mengira usia dan peringkat (Mohd Noor, A. Y., 2016). Namun begitu, silibus pengajian al-Quran Braille wajar dikembangkan setara dengan pengajian bagi golongan yang celik di samping mewujudkan suasana yang kondusif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) terhadap golongan yang bermasalah pada penglihatan (Ismail, et. al. 2024).

Kekurangan Tenaga Pengajar yang Terlatih

Kekurangan tenaga pengajar yang memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam pengajaran al-Quran dalam format Braille turut menjadi faktor penting kekangan perkembangan pengajian al-Quran Braille (Ab Rahman, et. al, 2020). Keterampilan tenaga pengajar seharusnya diketengahkan dalam lapangan pendidikan untuk kelas-kelas pengajian al-Quran dengan menggunakan sistem tulisan Braille. Tenaga pengajar yang berkemahiran dan berpengalaman yang mengikuti latihan amali dan pembelajaran secara khusus amat diperlukan bahkan kemahiran dalam kalangan pengajar yang akan menceburi bidang al-Quran Braille juga perlu dititikberatkan (Rasdi, et. al, 2021). Namun, tenaga pengajar yang berkemahiran juga perlu diberi pendedahan awal secara drastik untuk mereka mendalami sebelum mereka diberi mandat mengajar dalam bidang al-Quran Braille kepada pelajar sama ada pelajar dalam kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) dan komuniti pelajar yang normal penglihatan (Razuan, et. al, 2019).

Penglibatan tenaga pengajar amat terhad dan terbatas. Situasi ini dapat dilihat di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) cawangan Temerloh yang amat kritikal. Sebagai contoh, keadaan Encik Wan Mohd Fadil bin Wan Fauzi merupakan antara individu yang tergolong dalam Orang Kurang Upaya (OKU) ditugaskan untuk mengajar pengajian al-Quran Braille dalam negeri Pahang yang mana dua minggu beliau ditugaskan di Temerloh, Pahang dan dua minggu lagi beliau diamanahkan mengajar di negeri Kelantan (Mud, S. C., & ALI, M. M., 2021). Justeru, kekurangan tenaga pengajar dalam pengajian al-Quran Braille amat terhad bagi memberi pendedahan kepada pelajar yang mengikuti kelas-kelas pengajian secara formal. Fenomena yang berlaku perlu diambil cakna agar pengetahuan dan kemahiran individu terhadap penggunaan alatan, sumber dan rujukan berkaitan al-Quran Braille dapat dititikberatkan kepada masyarakat awam secara umumnya untuk jangka masa panjang (Halim, et. al, 2023).

Strategi Memperkasakan Pengajian al-Quran Braille

Strategi dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille merupakan satu inisiatif bagi golongan OKU penglihatan untuk memudahkan mereka mempelajari mushaf al-Quran dengan lebih dekat dan berkesan. Justeru, strategi juga memainkan peranan penting kepada golongan OKU penglihatan dalam mendalami al-Quran melalui kaedah dan cara yang mendatang implikasi berpanjangan. Strategi pelaksanaan sebenarnya menguatkan lagi pembelajaran al-

Quran Braille secara berterusan bagi memberi ruang kepada golongan OKU penglihatan mengenal al-Quran dengan pelbagai pelan pelaksana supaya mereka sendiri boleh belajar bahkan dalam jangka masa panjang, mereka juga boleh mengajar al-Quran kepada orang lain. Antara strategi dalam memperkasakan pengajian al-Quran Braille bagi golongan OKU penglihatan ialah:

Tambah Baik Fasiliti Pengajian al-Quran Braille

Faktor kekurangan alatan dan prasarana untuk tujuan pengajian dan pembelajaran al-Quran Braille amat terhad disebabkan kos untuk golongan yang kurang upaya memilikinya terlalu eksklusif dan tinggi nilainya (Razuan, S. R. A., et. al., 2019). Hal ini termasuk harga peralatan yang terhad untuk kegunaan di kelas-kelas pengajian al-Quran Braille di Malaysia yang bersesuaian. Hal ini termasuk kekurangan Mashaf al-Quran Braille, peralatan khusus seperti *embosser* dan ruang kelas yang dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai untuk pembelajaran Braille (Mud, S. C., & ALI, M. M., 2021). Oleh itu, keperluan penggunaan Mashaf al-Quran Braille dalam dunia pendidikan seharusnya diperluaskan secara serius. Penambahan lokaliti pengajian yang komprehensif jauh ketinggalan seperti makmal dan bilik kelas yang mencukupi peralatan dan fasiliti amat diperlukan kerana pengajian al-Quran Braille harus dilakukan secara teori dan praktikal bagi meningkatkan daya kognitif dan hasil pembelajaran yang berkesan kepada pelajar (Razuan, S. R. A., et. al., 2019).

Rentetan itu, pusat pengajian al-Quran Braille perlu digiatkan dengan lebih tersusun berdasarkan keutamaan yang wajar diwujudkan seperti menambahbaik fasiliti dalam pusat kemudahan OKU mengikut keperluan komuniti yang memerlukan (Saleh, R., & Sahad, M. N., 2020).

Meluaskan Penggunaan Alatan al-Quran Braille

Penggunaan alatan canggih tersebut perlu ada dalam kelas-kelas bimbingan al-Quran dan Pendidikan Khas selain menggunakan mesin secara holistik dalam pembelajaran al-Quran mengikut peredaran zaman (Dahnil, et. al, 2020). Hal ini dapat menyingkap kesan terhadap kurangnya sokongan dan perhatian pihak berwajib terhadap penubuhan kelas-kelas tersebut, serta ketidakcaknaan pemberian dana untuk menyediakan sumber dan peralatan yang diperlukan bagi pelajar yang berkehendak mengikutinya (Saleh, R., & Sahad, M. N., 2020). Rentetan itu, kewajaran pembelajaran dalam pengajian al-Quran Braille sepatutnya perlu dijadikan satu subjek teras bagi pelajar yang mengikuti pengajian di pusat-pusat pengajian tinggi dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah khususnya (Mud, S. C., & ALI, M. M., 2021). Oleh itu, penambahbaikan faktor bagi menyelesaikan kesedaran yang kritikal perlu disenaraikan dalam kursus pengajian secara formal untuk menyalurkan pengetahuan dan kepakaran menggunakan al-Quran Braille kepada pelajar yang mempelajarinya secara konsisten (Rashed, et. al, 2021). Pendidikan inklusif yang mengintegrasikan pelajar-pelajar yang mempunyai keperluan khas seperti keperluan pengajaran al-Quran dalam format Braille mungkin tidak mendapat penekanan yang mencukupi di peringkat dasar pendidikan. Oleh itu, kesedaran dan kepekaan terhadap keperluan pendidikan khusus ini dalam kalangan pembuat

dasar dan pelaksana pendidikan perlu diambil kira oleh pihak yang bertanggungjawab (Rasdi, et. al, 2021).

Penggunaan Mesin Ebralle al-Quran Disebarluaskan dalam Pengajian al-Quran Braille

Kesedaran pihak yang berautoriti mengenai kepentingan pengajian al-Quran menggunakan eBraille perlu diperluaskan melalui inisiatif menggunakan teknologi Braille Elektronik atau dikenali eBraille (Awang, A., et. al. 2024). Pengajian al-Quran Braille merupakan aspek pendidikan yang penting dalam memastikan akses untuk pendidikan agama bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan tercapai. Namun, terdapat beberapa strategi dalam menghadapi cabaran yang menyumbang kepada memperkasakan pengajian al-Quran Braille di Malaysia (Rosli, H. F., et. al. 2021). Isu-isu mengenai pengajian al-Quran Braille amat penting untuk dibincangkan bagi mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi cabaran tersebut. Hal ini kerana pembiayaan dan peralatan Braille untuk digunakan dalam pengajian al-Quran amat diperlukan untuk tambah nilai kemahiran pelajar dalam pengajian kursus yang bersilibus (Mohd Pisol, et. al. 2024). Namun, salah satu faktor utama yang perlu diberi perhatian adalah kekurangan sumber dan peralatan. Al-Quran Braille, peralatan seperti *embosser*, panel eBraille al-Quran dan ruang kelas yang dilengkapi dengan fasiliti yang sesuai merupakan keperluan asas termasuk peralatan yang baharu eBraille al-Quran yang dapat menggunakan capaian internet malahan inisiatif ini merupakan usaha untuk meningkatkan penyediaan sumber dan peralatan yang sesuai sebagai langkah pertama yang perlu diambil oleh pihak yang berautoriti lebih-lebih lagi pihak pendidikan (Zakaria, H. & Mohd Salleh, N., 2021).

Keterlibatan pihak berwajib perlu untuk menangani isu-isu kekurangan pengajar yang terlatih dalam pengajaran al-Quran Braille. Program latihan khusus untuk pengajar, termasuk latihan praktikal dalam pengajaran menggunakan sistem Braille dapat membantu meningkatkan kebolehan pengajaran mereka (Suhaimi, F. M., 2022). Kerjasama dengan institusi pendidikan dan organisasi masyarakat yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini juga boleh memberi manfaat yang besar kepada dunia pendidikan. Kesedaran tentang kepentingan Braille dalam pendidikan al-Quran juga perlu dipertingkatkan (Mohd Raus, N., et. al. 2013). Program kesedaran masyarakat dan kempen pendidikan boleh membantu mengubah persepsi dan membangkitkan sokongan untuk penubuhan kelas-kelas pengajian al-Quran Braille (Saleh, R., & Sahad, M. N., 2020).

Selain itu, langkah-langkah untuk meningkatkan infrastruktur dan kemudahan pengajian al-Quran Braille perlu ditambah baik. Hal ini kerana keperluan sumber dan dana yang mencukupi dapat merealisasikan pelaksanaan yang berkesan bukan tertumpu kepada pelajar yang kurang upaya bahkan pelajar yang celik penglihatan (Azman, H. H., et. al. 2022). Pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan perlu mengutamakan pembiayaan untuk menyediakan infrastruktur, membayar gaji pengajar dan membeli peralatan serta bahan pengajaran yang diperlukan (Yahaya, A. M., et. al. 2022). Secara rumusannya, signifikan pengajian untuk menekankan pendidikan inklusif bagi memfokuskan pendidikan khusus seperti pengajaran al-Quran dalam format Braille dapat membantu meningkatkan kesedaran dan kepekaan terhadap keperluan pendidikan khusus ini dalam dasar pendidikan negara (Baharudin, N. S., et. al. 2023).

Penerapan Pengajian al-Quran Braille dalam Sistem Pendidikan Tinggi

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan sewajarnya diberi peluang untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT). Pelaksanaan dasar pendidikan inklusif bertujuan menghapuskan pengasingan pelajar OKU daripada pelajar-pelajar arus perdana yang lain (Ab Rahman, A., et. al. 2020). Dasar ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada pelajar OKU malahan kepada pelajar-pelajar lain tipikal yang lain juga. Hal ini ditekankan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Mohd Pisol, M. I, et. al 2024). Kegagalan mewujudkan persekitaran pembelajaran kondusif bagi pelajar OKU bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur asas merupakan suatu bentuk diskriminasi yang perlu diketepikan (Awang, A., et. al. 2024). Hal ini bertujuan dalam memberikan peluang dan ruang untuk belajar secara bersama dalam pengajian al-Quran agar pembelajaran yang kondusif bagi pelajar OKU mempunyai perubahan yang drastik dari semasa ke semasa (Ibrahim, N. (2017).

Secara keseluruhan, perkara yang perlu diutamakan untuk mengatasi kekurangan kelas pengajian Al-Quran Braille di Malaysia memerlukan usaha bersama dari pelbagai pihak (Rashed, Z. N., et. al. 2021). Pendekatan yang holistik dan kerjasama yang erat antara pelbagai pihak, institusi pendidikan, organisasi masyarakat dan komuniti setempat adalah memungkinkan untuk mencapai tujuan untuk menyediakan akses kepada pendidikan al-Quran yang inklusif dan berkesan bagi individu yang memerlukan format Braille (Mohammed, Z., et. al. 2021).

Kesimpulan

Kajian ini telah berjaya mengenal pasti beberapa cabaran utama dalam pengajian al-Quran Braille, termasuk kesulitan mengadakan kelas pengajian secara konsisten, kekurangan tenaga pengajar yang terlatih, keterbatasan fasiliti dan peralatan pembelajaran, serta kos tinggi peralatan dan bahan pembelajaran. Sebagai tindak balas kepada cabaran-cabaran ini, beberapa strategi penambahbaikan telah dikenal pasti, antaranya penambahbaikan fasiliti pengajian, perluasan penggunaan alatan al-Quran Braille, penggunaan teknologi eBraille dalam pengajian, dan penerapan pengajian al-Quran Braille dalam sistem pendidikan tinggi (Ismail, M. H., & Sikumbang, D. P. D., 2020).

Selain itu, kajian ini telah menyumbang kepada pengembangan ilmu dalam bidang pendidikan khas Islam, membuka ruang penyelidikan baharu dalam integrasi teknologi dengan pengajian al-Quran, dan mengukuhkan asas teoretikal pendidikan inklusif dalam konteks pengajian Islam (Rasdi, M. N. A., et. al. 2021). Tambahan lagi, kajian ini memberi panduan kepada pembuat dasar dalam merancang program pendidikan OKU, menyediakan rangka kerja untuk penambahbaikan sistem pengajian al-Quran Braille dan mencadangkan penyelesaian praktikal untuk mengatasi cabaran semasa (Razuan, S. R. A., et. al. 2019).

Sebagai rumusan, kajian ini menunjukkan kepentingan strategik pengajian al-Quran Braille dalam konteks pendidikan Islam inklusif. Walaupun terdapat pelbagai cabaran, usaha berterusan untuk menambah baik sistem sedia ada melalui teknologi dan pendekatan baharu memberikan harapan untuk masa hadapan yang lebih cerah. Komitmen semua pihak

berkepentingan adalah kritikal dalam memastikan kejayaan inisiatif ini. Pengajian al-Quran Braille bukan sekadar memenuhi keperluan pendidikan, tetapi merupakan tanggungjawab sosial dalam memastikan akses yang saksama kepada pendidikan Islam untuk semua lapisan masyarakat. Penambahbaikan berterusan dalam aspek teknologi, infrastruktur, dan latihan pengajar akan membantu mencapai matlamat ini.

Penghargaan

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) atas pembiayaan geran penyelidikan dalaman (Kod: RUG-UnIPSAS-2023-06).

Rujukan

- Ab Rahman, A., Zakaria, M. A., Shakor, M. F. A., Nordin, N. S. & Rahmat, N. A. S. (2020). Sorotan literatur kajian kurikulum pendidikan Islam pelajar orang kurang upaya (OKU) Di Malaysia. *Syariah and Law Discourse*, 1(1), 25-33.
- Abdullah, A. H. B. (2021). Penguasaan Hukum Nun Mati Atau Tanwin Dalam Kalangan Orang Cacat Penglihatan:[The Empowerment of Nun Saakin and Tanween Among Visual Disabled People]. *KQT eJurnal*, 1(1), 37-48.
- Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R. (2021). The Importance of Al-Quran E-Braille on Improving the Achievement of Students with Special Needs with Visual Impairment: Kepentingan Al-Quran E-Braille terhadap peningkatan pencapaian Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 19-27.
- Awang, A., Rani, I. F. A., Hock, K. E., Ramly, N. A., & Kamil, R. (2024). Innovative Approaches in Teaching Early Braille Reading Skills: A Theory and Practice Study. *Journal of Contemporary Social Science and Education Studies (JOCSSSES) E-ISSN-2785-8774*, 4(2), 177-200.
- Azman, H. H., Ngabadi, S. M., Embong, N. I. S., & Hassan, S. N. S. (2022). Pengajaran al-Quran Braille: Isu Dan Cabaran Semasa. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, (Ke-7), 202-208.
- Baharudin, N. S., Razalli, A. R., & Shaffeei, K. (2023). Analisis Keperluan Pembangunan Aplikasi “E-Ibadah” dalam Pengajaran Pendidikan Islam Murid Ketidakupayaan Pendengaran. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 15-32.
- Dahnil, D. P., Noor, A. Y. M., & Murah, M. Z. (2020, November). The Fundamental of Al-Quran Braille in Rasm Uthmani. In *2020 IEEE Conference on e-Learning, e-Management and e-Services (IC3e)* (pp. 19-22). IEEE.
- Halim, M. N. A., Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., & Raus, N. A. M. (2023). Pembentukan Model Pembelajaran Al-Quran Bagi Orang Kelainan Upaya: Designing A Qur'anic Learning Model for People with Physical Disabilities. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 7(2), 60-67.

- Ibrahim, N. (2017). Kemahiran pedagogi bagi guru pendidikan Islam (pendidikan khas) dalam pengajaran al-Quran Braille. Dalam *2nd International Conference on Special Education 2017: Access and Engagement* (hlm. 494-504). Universiti Sains Islam Malaysia. ISBN 978-967-15154-0-2.
- Ismail, N. F. & Abd Ghani, A. R., (2024). Cabaran Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) dalam Mempelajari Ilmu Qiraat di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Traditional and Culture*, Vol. 2 (2), 110-118.
- Ismail, M. H., & Sikumbang, D. P. D. (2020). Sistem Pembelajaran Asas Kod Braille Al-Quran Secara Kendiri. (*Doctoral dissertation, Tesis Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, 1-18*).
- Mohammed, Z., Azhar, N. A., Ludin, N. I. M., Fadzil, N. M., Rahman, M. H. A., & Abd Wahat, N. H. (2021). Pengalaman Mencari Pekerjaan dan Pengalaman Bekerja dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Penglihatan di Lembah Klang. *The Malaysian Journal of Social Administration*, 15, 85-101.
- Mohd Noor, A. Y., (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Braille di Kompleks *Malaysian Association for the Blind* (MAB). *Islamiyyat*, 38 (1), 15-24.
- Mohd Pisol, M. I., Muhammad, N., Rosli, H. F., Rashed, Z. N., Harun, Z., Abdul Halim, M. N. & Mohd Raus, N. (2024). Model Ekosistem Pendidikan Orang Kelaian Upaya: Analisis Tinjauan Dokumen. *Malaysia Online Journal of Education*, 8 (1), 201-202.
- Mohd Raus, N., Rasdi, M. No A., Alias, N., Ibrahim, N., Khosim, N. & Jaafar, N., (2013). Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa. *International Journal on Quranic Research (IJQR)*, 3 (4), 79-94.
- Mud, S. C., & ALI, M. M. (2021). Learning Al-Quran for children with disabilities. *Jurnal Hadhari*, 13(1), 135-146.
- Rasdi, M. N. A., Jaafar, N., Raus, N. M., Hashim, M., Azhar, N. A., Zainudin, M. S. A., ... & Razali, A. (2021). Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) USIM. In *Proceedings of the 7th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT)*.
- Rasdi, M. N. A., Md Isa, M. Y. A., Ja'afar, N., Mohamad, K. A., & Mohd Raus, N. (2021). Implikasi Ketiadaan Şifr Mustadîr ke atas Pentilawah Al-Quran Braille: Implications of The Absence of Şifr Mustadîr on Braille Al-Quran Recitations. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(1), 14-26.
- Rasdi, N., Raus, N. M., & Jaafar, N. (2023). Aplikasi Rasm Uthmani dalam Mashaf al-Quran Braille Malaysia: Application of Uthmani Script in the Braille Quran of Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 7(2), 91-107.
- Rashed, Z. N., Pisol, M. I. M., Rosli, H. F., & Azmi, A. A. M. (2021). Penelitian Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Al Quran Braille: Satu Analisis: Analysis on Teaching and Learning of Vision Impairment Using Braille Quranic Mushaf. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 5(2), 71-79.

- Razuan, S. R. A., Raus, N. M., Hashim, M., Rasdi, M. N. A., Yusoff, A. M., Ja'afar, N., & Muhamad, N. A. F. (2019). Pendidikan Al-Quran Bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI): Quranic Education for PwDs: Experience of Ibnu Ummi Maktum Research Centre (UMMI). *'Abqari Journal*, 20(2), 78-98.
- Rosli, H. F., Zur'ain Harun, M. I. M., Pisol, Z. N., Rashed, A. A. M. A., & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, K. U. I. S. (2021) Pembelajaran al-Quran Braille: Cabaran dan Perlaksanaan. *Pendidikan Pemangkin*, 57.
- Saleh, R., & Sahad, M. N. (2020). Sorotan Literatur Sistematis Isu dan Cabaran Pengajaran al-Quran Murid Berkeperluan Khas [Systematic Literature Review on Issues and Challenges al-Quran of Pupils with Special educational Needs]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 199-211.
- Shabery, N. A. F. N., Jaafar, N., & Muhamad, N. A. F. (2022). Issues and Challenges of Da'wah to the Disabled: A Systematic Literature Review (SLR), *Tinta Artikulasi Membina Ummah* (TAMU), 8(2), 2022 15-27.
- Suhaimi, F. M. (2022). Wakaf Menyokong Bantuan Kepada Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia. In *The Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2022) or International Seminar on* (p. 183).
- Yahaya, A. M., Zakaria, H. B., Shariff, N. N. M., Yakob, M. A., & Moidin, S. (2022). The Development Of STEAM As Elements In Islamic Education For Disabled Students In Malaysia: Perkembangan STEAM Dalam Elemen Pendidikan Islam Terhadap Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Di Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 28(2), 24-31.
- Zakaria, H. & Mohd Salleh, N., (2021). Cabaran Individu Kurang Upaya Penglihatan Menghafaz al-Quran di Malaysia. *TINTA Artikulasi Membina Ummah*, 7 (2), 100-111.